



CYCLELAND ENTERPRISE

Disediakan untuk :
Pn Noraini Aminudin
Pensyarah ETR 300
ITM Cawangan Perlis

Disediakan oleh :
Rosmini Ramli
Norihan Md Saad
Norwati Azmi
Azwan Normiza
Zakaria

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
1. MUQADDIMAH	i
2. SURAT PENYERAHAN	ii
3. SURAT PENGHARGAAN	iii
4. ISI KANDUGAN	iv
5. PENGENALAN	1
6. LOGO	3
7. TUJUAN	4
8. LATAR BELAKANG PERNIAGAAN	5
9. LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI	6
10. LATARBELAKANG PROJEK	10
11. RANCANGAN PENTADBIRAN	17
12. RANCANGAN PEMASARAN	26
13. RANCANGAN OPERASI	38
14. RANCANGAN KEWANGAN	51
15. RUMUSAN	63
16. LAMPIRAN	

(CYCLELAND) ENTERPRISE

SINOPSIS

CYCLELAND ENTERPRISE adalah sebuah perniagaan yang menjalankan perniagaan memproses semula bahan-bahan plastik menjadi produk-produk baru. Walaupun kita selalu mendengar tentang produk-produk kitar semula tetapi perusahaan kitar semula bahan plastik adalah kurang berbanding dengan perusahaan kitar semula bahan kertas terutama kalangan pengusaha bumiputera.


Cycleland Enterprise adalah sebuah perniagaan perkongsian yang terdiri daripada 4 orang pekongsi yang sama-sama menyumbangkan modal untuk penubuhan perniagaan ini. Cycleland Enterprise ini dijangkakan akan memulakan operasinya pada 1 Januari 2000. Disebabkan kedudukannya yang strategik perniagaan ini menerima kemudahan bekalan bahan mentah dengan teratur. Pembekal-pembekal bahan mentah hanyalah di kawasan Sungai Petani sendiri dan juga Seberang Prai yang tidak jauh dari kilang Cycleland Enterprise.

Pasaran pula bergantung pada permintaan-permintaan dari unit-unit perniagaan mengikut saiz tersendiri. Permintaan adalah berdasarkan keperluan menggunakan produk pada waktu-waktu tertentu contohnya musim-musim perniagaan dan lain-lain.

Pengeluaran pula adalah mengikut permintaan yang ada. Terdapat banyak produk-produk kitar semula yang boleh dihasilkan tetapi buat peringkat awal ini, kami cuma menghasilkan produk yang mempunyai kegunaan yang

general diakalangan pengguna tetapi untuk masa hadapan mungkin akan menghasilkan banyak lagi.

Modal yang diperuntukkan adalah digunakan membeli mesin dan aset-aset tetap yang lain.



CYCLAND INTERDAK

PENGENALAN

Perniagaan yang ditubuhkan ini dinamakan CYCLELAND ENTERPRISE. Jenis perniagaan yang bakal dijalankan ialah pemprosesan bahan-bahan buangan plastik. Bahan-bahan skrap plastik akan diambil dan dikitar semula menjadi fibre dan seterusnya dibentuk menjadi produk-produk baru.

Walaupun penggunaan barang-barang yang dibuat daripada plastik adalah sangat meluas di dalam negara ini, namun industri pemprosesan semula bahan plastik masih kurang diceburi usahawan terutama kaum bumiputera. Jadi kami merebut peluang ini bagi memanfaatkan ruang yang masih kurang diceburi ini.

Perniagaan ini akan dijalankan di Lot No. A102, Jalan 2A, Kawasan Perusahaan MIEL Sungai Lalang, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman dan perniagaan ini dijangka akan memulakan operasinya pada 1 Januari 2000.

Kami memilih jenis perniagaan pemprosesan semula bahan-bahan buangan plastik adalah kerana penggunaan produk – produk yang diperbuat daripada plastik sangat meluas dan sebahagian daripada plastik tersebut boleh dikitar untuk digunakan semula. Daripada bahan-bahan tersebut dibuang begitu sahaja, dengan adanya perusahaan pemprosesan semula ini, bahan-bahan terbuang ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya.